

Peralihan kuasa bukti komitmen PM: Pak Lah

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah memberitahu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bahawa kejayaan seseorang pemimpin itu ialah meninggalkan kerajaan pimpinannya dalam keadaan baik dan stabil, manakala keselamatan rakyat pula terjamin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir memberitahunya demikian dalam satu perbualan antara mereka, ketika beliau masih menjadi Menteri Luar.

Sehubungan itu, kata Abdullah, peralihan kuasa yang berlaku sekarang membuktikan komitmen sebenar Perdana Menteri terhadap rakyat dan negara.

“Peralihan kuasa yang berlaku dalam suasana aman dan tenteram, melambangkan komitmen Dr Mahathir bahawa apabila bersara nanti, peralihan kuasa mestilah berlaku dengan tertib dan suasana politik pula stabil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan utama di Persidangan

Perkhidmatan Awam ke-7 di Auditorium Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, di sini hari ini.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang juga Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD), Datuk Seri Aseh Che Mat, dalam ucapannya menyatakan sokongan padu PTD kepada Abdullah sebagai pengganti Perdana Menteri, sambil mengucapkan tahniah kepada Abdullah.

Abdullah berkata, beliau amat terharu apabila dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir, seorang negarawan yang amat dihormati serta disegani, dan menganggap ia sebagai satu amanah dan tugas berat.

“Saya amat menghargai segala keyakinan dan sokongan yang diberikan terma-suk oleh PTD pada hari ini,” kata beliau.

Beliau juga berkata, peralihan kuasa yang dilakukan Dr Mahathir sekarang menunjukkan pucuk pimpinan negara itu mahu bersikap telus dan mahu memastikan keyakinan ahli-ahli perniagaan, khususnya pelabur dari luar negara tidak terjejas.

Malaysia juga katanya, tidak mungkin akan menjadi negara maju tanpa kecekapan pentadbiran dan pemimpin sekarang membuka jalan ke arah itu.

“Kerajaan mahu supaya pentadbiran dinamik, cekap dan produktiviti tinggi. Maka perlu ada usaha oleh semua agensi serta badan yang dipertanggungjawabkan termasuk dalam menguatkuasakan undang-undang dan menjamin keselamatan negara.

“Segala usaha sudah diambil untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran awam dan produktiviti, terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi seperti sekarang,” katanya.

Abdullah berkata, kepentingan negara adalah perkara yang tidak boleh dikompromi, justeru kerajaan amat menghargai inisiatif PTD mengadakan persidangan seperti itu yang dianggap amat penting bagi kalangan pembuat keputusan.

Katanya, sebagai pembuat keputusan, perlu bagi peserta persidangan itu mengetahui cabaran globalisasi sejajar dengan tema persidangan ‘Globalisasi: Menghadapi Cabaran Masa Depan’.